



**PERBADANAN MUZIUM MELAKA
KOMPLEKS WARISAN MELAKA
JALAN KOTA
75000 MELAKA**

TEL : 06-2826526, 2811289 / FAKS : 06-2826745

Peluang kerjaya bagi warganegeri Melaka yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan adalah dipelawa untuk memohon jawatan di Perbadanan Muzium Melaka.

- | | | |
|--------------------------|---|----------------------------------|
| 1. Nama Jawatan | : | KURATOR GRED S1-1 |
| Klasifikasi Perkhidmatan | : | Sosial dan Kerohanian |
| Kumpulan Perkhidmatan | : | Pengurusan dan Profesional |
| Bilangan Kekosongan | : | 1 |
| Taraf Jawatan | : | Tetap |
| Jadual Gaji Sebaris | : | T1 RM 1,920.00 - T20 RM 6,215.00 |

Syarat Lantikan

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sosiologi, antropologi, sejarah, kaji purba, zoologi, sastera, seni lukis, seni reka, seni halus, seni bina, permuziuman, konservasi atau sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S1-1: T1); atau
 - Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S1-1: T3).
 - Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3. Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Kurator adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Kurator Gred S1-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

2. Nama Jawatan	:	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N4-1
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pentadbiran
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Bilangan Kekosongan	:	1
Taraf Jawatan	:	Tetap
Jadual Gaji Sebaris	:	T1 RM 955.00 - T20 RM 2,780.00

Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N4-1: T1).

[Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer].

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3. Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N4-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

3. Nama Jawatan	:	PEMBANTU OPERASI GRED N5-1
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pentadbiran
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Bilangan Kekosongan	:	4
Taraf Jawatan	:	Tetap dan Kontrak
Jadual Gaji Sebaris	:	T1 RM 850.00 - T20 RM 2,390.00

Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
 - (b) Lesen memandu Kelas B/B1/B2/D/E/E1/E2/F/G/H/I berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N5-1: T1).
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Cara Memohon

- a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Perjawatan yang boleh didapati secara PERCUMA daripada **Bahagian Pengurusan dan Sumber Manusia, Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Kompleks Warisan Melaka, Jalan Kota, 75000 Melaka** pada waktu pejabat atau sila layari laman web PERZIM: www.perzim.gov.my untuk mendapatkan Borang Perjawatan, maklumat syarat lantikan dan cara memohon. Tarikh akhir untuk mendapatkan borang di PERZIM pada **16 Januari 2012**.
- b) Setiap permohonan jawatan hendaklah menggunakan satu Borang Perjawatan sahaja.
- c) Semua permohonan hendaklah menyertakan salinan ijazah, diploma, sijil atau dokumen berkaitan yang disahkan mengikut kelayakan yang disyaratkan.
- d) Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan **surat pengesahan dari Ketua Jabatan, salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan terkini**.
- e) Sila catatkan nama jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat apabila mengemukakan permohonan.

5. Permohonan yang berikut AKAN DITOLAK :

- i) tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan;
- ii) dokumen-dokumen yang dikemukakan tidak lengkap atau tidak terang atau tidak disahkan;
- iii) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
- iv) tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat; dan
- v) borang permohonan tidak ditandatangani serta tiada dituliskan tarikh.

6. Permohonan hendaklah sampai kepada :

**PENGURUS BESAR
PERBADANAN MUZIUM MELAKA
KOMPLEKS WARISAN MELAKA
JALAN KOTA,
75000 MELAKA.**

7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 19 Januari 2012

CATATAN:

- i) Pemohon – pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup, hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya; dan
- ii) Calon-calon yang telah ditemuduga tetapi tidak menerima apa-apa keputusan selepas 6 bulan dari tarikh temuduga, hendaklah menganggap mereka tidak berjaya untuk dilantik ke jawatan berkenaan.